

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA 2020, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]
TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah yuran pengajian di IPT awam akan dikurangkan kepada para pelajar? Ini merujuk kepada situasi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara '*Open Distance Learning*' (ODL) dan kemudahan universiti tidak lagi boleh digunakan oleh para pelajar buat masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam situasi sekarang di mana kebanyakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian, termasuklah secara, dengan izin, '*Open Distance Learning*' (ODL), rata-rata kemudahan fizikal di universiti (seperti kemudahan pengangkutan dalam kampus; asrama; dan sebagainya) tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar. Kementerian amat prihatin dan mengambil berat terhadap perkara ini yang sedikit sebanyak menyebabkan para pelajar terbeban dengan kos yuran pengajian.

Secara amnya, pelajar di universiti awam (UA) hanya membayar dua hingga sepuluh peratus sahaja daripada kos sebenar program akademik manakala 90 hingga 98 peratus kos yuran pengajian dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan. Sebagai contoh, purata yuran bagi pengajian Sarjana Muda Perubatan di UA yang perlu dibayar oleh pelajar adalah sebanyak RM10,046.00, iaitu bersamaan dengan dua peratus daripada kos sebenar pengajian yang berjumlah RM451,929.00, manakala bakinya, sebanyak RM441,883.00 dibiayai melalui subsidi Kerajaan.

Suka saya maklumkan di sini bahawa KPT telah membuat rundingan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mengurangkan bebanan kewangan pelajar. Sebagai tanda keprihatinan, Kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama, perkhidmatan dan aktiviti sehingga lima belas peratus setelah mengambil kira keupayaan kewangan Kerajaan dan UA. Pengurangan yuran tersebut adalah bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 untuk pelajar warganegara Malaysia. Pengurangan yuran ini melibatkan peruntukan sebanyak RM72 juta yang mana RM20 juta merupakan peruntukan tambahan Kerajaan dan RM52 juta menggunakan sumber dalaman UA. Seramai 523,318 pelajar UA di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada keputusan ini. Langkah yang sama juga telah diteruskan bagi pengajian Semester 1 Sesi 2020/2021.

Sekian, terima kasih.